



JABATAN PERDANA MENTERI
AGensi PENGURUSAN BENCANA NEGARA

UNTUK SIARAN SEGERA

KENYATAAN MEDIA

PENYELARASAN BANTUAN DAN SUMBANGAN DARIPADA BADAN KORPORAT, BADAN BUKAN KERAJAAN (NGO) ATAU INDIVIDU SEMASA MUSIM BANJIR

Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) telah menerima rungutan daripada badan-badan bukan Kerajaan (NGO) serta individu yang tampil untuk memberikan bantuan dan sumbangan berbentuk barangan di Pusat-Pusat Pemindahan Sementara (PPS) yang telah dibuka dan diselaraskan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

NADMA dan seluruh jentera Kerajaan amat berterima kasih dan menghargai keperihatinan semua pihak dalam menghulurkan bantuan kepada mangsa-mangsa bencana. Walau bagaimanapun, semua bentuk sumbangan yang diterima perlu diselaraskan terlebih dahulu di peringkat sekretariat sebelum diedarkan ke kawasan-kawasan terjejas banjir.

Tindakan ini adalah bagi memastikan semua sumbangan yang diterima bersesuaian dengan keperluan di lapangan dan jumlah kuantiti yang mencukupi. Ini bagi mengelakkan berlaku lambakan serta pembaziran sumber yang akhirnya akan merugikan tenaga kerja serta berlaku kerosakan atau pertindihan barang bantuan.

Oleh itu, NADMA menyeru kepada semua pihak yang ingin memberikan sumbangan dan bantuan sepanjang musim MTL ini supaya BERHUBUNG DENGAN PUSAT KAWALAN OPERASI BENCANA (PKOB) NEGERI ATAU DAERAH YANG BERKAITAN BAGI MENDAPATKAN MAKLUMAT KEPERLUAN MANGSA BENCANA DAN LOKASI YANG SEBENAR SEBELUM MENGATUR PERGERAKAN PENYAMPAIAN SUMBANGAN.

Tindakan ini amat penting kepada PKOB untuk merekod jenis barangan dan jumlah bantuan yang diterima daripada penyumbang-penyumbang luar supaya memudahkan koordinasi penyaluran bantuan dari satu saluran.

Kerajaan sentiasa komited memastikan setiap tindak balas dilaksanakan secara teratur dan menyeluruh dalam pengurusan bencana supaya keselamatan dan kebajikan mangsa-mangsa bencana sentiasa terjaga.

####

Disediakan oleh:

MEOR ISMAIL BIN MEOR AKIM

Ketua Pengarah

Agensi Pengurusan Bencana Negara

Jabatan Perdana Menteri

25 NOVEMBER 2025